

NO. SOALAN : 136

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[ SEPANG ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [ Sepang ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- a) apakah perancangan yang dibuat untuk menarik para pelancong dalam negeri dan luar negara ke daerah Sepang; dan
- b) apakah destinasi utama yang digemari oleh para pelancong di daerah Sepang dan berapakah statistik jumlah sebenar para pelancong yang berkunjung ke Sepang pada tahun 2014 hingga bulan Jun 2017.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) telah memperuntukan sejumlah RM7.51 juta untuk projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11) dengan peruntukan tahun 2017 sejumlah RM3.56 juta khusus untuk Negeri Selangor.

Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10), KPK telah memperuntukkan sejumlah RM15.59 juta yang merangkumi pelbagai program pembangunan iaitu Penyediaan / Peningkatan Kemudahan Pelancongan, Pembangunan Ekopelancongan, Naiktaraf / Penyelenggaraan dan Peningkatan Kemudahan Inap Desa / Homestay dimana sejumlah RM1.485 juta diperuntukan khusus untuk Daerah Sepang. Berikut merupakan projek-projek yang telah dilaksanakan di Selangor di bawah RMKe10:-

1. Menaiktaraf Homestay Banghuris (RM255,000);
2. Menaiktaraf Homestay Batu Laut (RM270,000);
3. Menaiktaraf Homestay Kg. Kundang (RM270,000);
4. Menaiktaraf Homestay Sungai Lang Tengah (RM155,000);
5. Menaiktaraf Homestay Kg. Endah (RM270,000);
6. Menaiktaraf Dewan Homestay Banghuris (RM115,000); dan
7. Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan Homestay Kg. Endah (RM150,000)

Bagi memastikan peningkatan kedatangan pelancong dari luar negara datang ke destinasi-destinasi pelancongan di Malaysia, pelbagai aktiviti promosi telah dijalankan oleh Tourism Malaysia (TM) seperti berikut:

1. Mempromosikan Daerah Sepang sebagai destinasi sukan permotoran terutamanya melalui program-program yang dianjurkan di Sepang *International Circuit* seperti Formula 1 Petronas Grand Prix dan Malaysia Moto GP;
2. Mempromosikan Homestay Banghuris yang terdapat di Daerah Sepang bersama Persatuan Homestay di dalam dan luar negara dengan melibatkan pelancongan pendidikan untuk para pelancong bagi memperkenalkan budaya hidup orang tempatan kepada pelancong luar;
3. Mempertingkatkan promosi membeli belah oleh *Shopping Secretariat Malaysia* (SSM) di Daerah Sepang terutamanya pusat membeli belah Mitsui *Shopping Outlet* dan KLIA2 dengan menawarkan harga yang berpatutan serta mampu milik bagi pelbagai jenama mewah kepada para pelancong dari dalam dan luar negara;
4. Meningkatkan jaringan kerjasama di bawah program publisiti Mega Fam dengan membawa wartawan dan media, *social influencer* seperti bloggers, agensi pelancongan dan kru perfileman ke destinasi-destinasi pelancongan di Daerah Sepang; dan

5. Selain dari itu, TM juga telah mengadakan promosi melalui aktiviti pengiklanan menggunakan pelbagai kaedah termasuk menggunakan medium digital seperti Facebook, Instagram, laman web dan juga e-brosur negeri-negeri.

#### Tuan Yang di-Pertua

Daerah Sepang mempunyai pelbagai tarikan yang sesuai bagi tujuan pelancongan. Di antaranya adalah:

1. Sepang International Circuit (SIC). Sehingga kini TM banyak mempromosikan acara sukan permotoran yang diadakan di SIC. Di Indonesia, pakej menonton Formula 1 Petronas Grand Prix (F1) dan Moto GP pernah mencatat jualan sehingga 1,860 pakej pada tahun 2016. Untuk tahun 2017 sehingga Julai, sebanyak 640 pakej telah terjual. Di Singapura pula, usaha promosi dilakukan di Batam dengan membawa media untuk lawatan dan pertandingan di Facebook. TM Medan telah bekerjasama dengan pengusaha pelancongan tempatan dan berjaya menjual sebanyak 100 pakej untuk menyaksikan F1 dan Moto GP. Selain itu, SIC juga mempunyai tarikan kedua iaitu Muzium Automobil Nasional yang mempamerkan sejarah permotoran negara;
2. Daerah Sepang sebagai destinasi membeli belah. Dengan adanya Mitsui Outlet Mall dan KLIA2, TM melalui Shopping Secretariat Malaysia sentiasa mempromosikan aktiviti-aktiviti membeli belah kepada para pelancong asing yang tiba ke negara ini;

3. Memperkenalkan kebudayaan dan tatacara hidup masyarakat Melayu melalui program Homestay yang ada di Banghuris kepada golongan pelajar asing. Homestay Banghuris, Daerah Sepang yang telah menerima anugerah ASEAN *Homestay Standard* semasa ASEAN *Tourism Forum* 2016 di Filipina telah berjaya menarik kedatangan pelancong sebanyak 32,170 orang yang terdiri daripada 17,126 orang pelancong domestik (53.2%) dan 15,044 orang pelancong antarabangsa (46.8%) bagi tahun 2014 sehingga Jun 2017 serta berjaya menjana pendapatan sebanyak RM2.2 juta dalam tempoh tersebut. Di antara pelancong antarabangsa yang kerap berkunjung ke Homestay Banghuris, Sepang adalah daripada Australia, China, Jepun dan Singapura; dan
4. Keunikan Avani Sepang Goldcoast Resort merupakan antara produk pelancongan yang terbaik di Sepang berikutan senibina berbentuk palma yang terkenal bagi pelancong yang ingin berbulan madu dan Pantai Bagan Lalang yang popular dengan restoran makanan laut.

Kajian berkaitan statistik pelancong tidak dijalankan mengikut setiap daerah di Malaysia. Namun begitu, Jumlah Pelancong Domestik yang mengunjungi Selangor bagi tahun 2014 sehingga 2016 adalah seperti berikut:

<b>NEGERI SELANGOR</b>	<b>TAHUN</b>		
	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>4.88 juta</b>	<b>5.41 juta</b>	<b>5.52 juta</b>

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Manakala berdasarkan Kajian Hotel TM, jumlah pelancong antarabangsa yang berkunjung ke Selangor adalah seperti berikut:

<b>NEGERI SELANGOR</b>	<b>TAHUN</b>		
	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016 (Jan-Sept.)</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>1.67 juta</b>	<b>1.61 juta</b>	<b>1.11 juta</b>

Sekian, terima kasih.